

**Saman Fitnah Ketua Menteri Sarawak Terhadap Malaysiakini Didengar 9 Jan  
Bernama  
14 November , 2011**

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Mahkamah Tinggi menetapkan 9 Jan depan sebagai tarikh perbicaraan kes saman Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud terhadap portal berita Malaysiakini berhubung penerbitan artikel yang didakwa mengandungi perkataan memfitnah pemimpin itu.

Hakim Rosilah Yop menetapkan tarikh itu selepas bertemu peguam K. Shanmuga dan Fahri Azzat, yang mewakili Malaysiakini Dotcom, serta peguam Yee Mei Ken bagi Abdul Taib, dalam kamarnya Isnin.

Yee ketika dihubungi berkata, tarikh itu ditetapkan selepas kedua-dua pihak gagal mencapai penyelesaian di luar mahkamah.

Abdul Taib memfailkan saman itu setelah portal berita berkenaan menyiarkan 12 siri artikel dari 6 April hingga 3 Mei, 2007 yang didakwa memfitnah beliau serta menamakan Mkini Dotcom dan ketua pengarang Malaysiakini Gan Diong Keng, juga dikenali sebagai Steven Gan, sebagai defendan.

Beliau memohon ganti rugi akibat kemudaratan teruk, faedah, kos dan relif lain difikirkan munasabah oleh mahkamah.

Sementara itu, defendan dalam pernyataan pembelaan mendakwa perkataan dalam artikel berkenaan disiarkan berdasarkan perlindungan bersyarat.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=626847>